

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN 1990
SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN

2019

- 1) Suatu iklan yang dipamerkan hendaklah menggunakan tulisan Jawi dan huruf-huruf jawi tersebut hendaklah:
 - a) Berukuran lebih besar atau sama besar dengan huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa lain yang digunakan;
 - b) Diletak bahagian atas dan tulisan lain di bahagian bawah.
- 2) Suatu iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan samaada dengan sendirinya atau bersama mana-mana bahasa yang lain.
- 3) Jika bahasa kebangsaan dan mana-mana bahasa yang lain digunakan dalam apa-apa iklan:
 - a) Tiap-tiap maklumat yang diberi dalam bahasa lain itu hendaklah juga diberi dalam bahasa kebangsaan;
 - b) Huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan bagi perkataan-perkataan dalam bahasa yang lain itu hendaklah diberi penonjolan;
 - c) Bahasa kebangsaan hendaklah dibawah daripada tulisan jawi dan tulisan bahasa lain dibawah.

PERINGATAN :

- i) Suatu iklan yang dipohon hendaklah mempamerkan jenis aktiviti perniagaan syarikat tersebut.
- ii) Apa-apa iklan yang hendak dipamer hendaklah melalui permohonan kepada Majlis dan mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu sebelum iklan berkenaan dipamerkan.
- iii) Bentuk/kata Akronim tidak perlu dijawabkan.
- iv) Bahasa inggeris tidak perlu dijawabkan.
- v) Suatu papan iklan hendaklah diletakkan nama hakmilik syarikat yang berdaftar dengan MPKB-BRI di sebelah bawah papan iklan.
- vi) Suatu papan iklan hendaklah diletakkan nombor lesen MPKB-BRI di sebelah bawah penjuru kanan papan iklan tersebut.